

Kriteria Kelayakan Pembeli dan Pemilikan Rumah SPEKTRA Plus

(a) Kriteria Kelayakan

- i. Pendapatan isi rumah RM6,000.00 dan ke bawah;
- ii. Warganegara Malaysia yang berasal dari Sarawak
- iii. Lelaki/wanita bujang berumur 30 tahun ke atas;
- iv. Berkahwin dan berumur di antara 18 tahun sehingga 65 tahun;
- v. Berkahwin, Ibu/bapa tunggal, janda, balu dan duda; dan;
- vi. Tidak memiliki rumah lain tertakluk kepada perenggan (b)(iii)

(b) Syarat-Syarat Pemilikan

- i. Pemilik rumah SPEKTRA tidak dibenarkan menjual rumah dalam tempoh sepuluh (10) tahun dari tarikh Perjanjian Jual dan Beli ditandatangani, kecuali jika rumah tersebut digadai oleh pihak bank dan harga gadaian tertakluk kepada harga pasaran;
- ii. Selepas sepuluh (10) tahun, pemilik rumah SPEKTRA boleh menjual rumah mereka mengikut harga pasaran dan penjualan/pembelian ini tidak lagi akan tertakluk kepada syarat- syarat/kriteria kelulusan permohonan untuk pemilikan;
- iii. Para pemilik rumah kos rendah yang sedia ada dibenarkan untuk membeli rumah jenis SPEKTRA yang lebih baik sekiranya mereka ingin “menaiktaraf” jenis rumah yang mampu mereka miliki dengan syarat tempoh moratorium (5 tahun) untuk rumah kos rendah mereka yang sedia ada telah tamat, dan mereka memenuhi kriteria untuk pemilikan rumah SPEKTRA yang lebih baik. Keadaan ini telah mengambil kira keperluan pemohon seperti ahli-ahli keluarga mereka telah bertambah dan hasrat mereka untuk menaiktaraf jenis rumah yang boleh mereka miliki mengikut kemampuan masing-masing; dan
- iv. Kelulusan pemilik rumah kos rendah untuk membeli rumah SPEKTRA yang lebih baik hendaklah diperolehi daripada kementerian yang bertanggungjawab ke atas perumahan mengikut merit sesuatu kes. Bagaimana pun, keutamaan masih diberikan kepada pembeli rumah pertama dan oleh itu, kelulusan adalah juga tertakluk kepada baki unit rumah SPEKTRA dalam sesebuah projek.